

## **NOTIS PRIVASI ITOCHU MALAYSIA SDN. BHD.**

### **UNTUK PARA PELANGGAN YANG BERPOTENSI DAN SEDIA ADA**

Di ITOCHU Malaysia Sdn. Bhd. (No. Pendaftaran Syarikat 199001017777 (209446-P)) dan perbadanan berkaitan kami (sebagaimana istilah yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat 2016), syarikat gabungan dan syarikat bersekutu ("**Syarikat**", "**kami**" atau "**kita**"), kami menghargai privasi anda dan berusaha untuk melindungi data peribadi anda selaras dengan keperluan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("**PDPA**").

Selaras dengan matlamat tersebut, kami telah menyediakan notis privasi ("**Notis Privasi**") ini untuk menerangkan bagaimana kami mungkin mengumpul, menggunakan dan berkongsi data peribadi anda, dan pilihan yang anda ada berkenaan dengan data peribadi anda.

Notis Privasi ini terpakai kepada pelanggan perniagaan kami yang berpotensi atau yang sedia ada, termasuk wakil-wakil individu yang bekerja untuk, atau bagi pihak, atau yang merupakan pemegang saham kepada pelanggan kami ("**anda**"), terutamanya apabila anda:

- (a) berinteraksi dengan kami dalam hubungan perniagaan yang prospektif atau berterusan untuk menggunakan perkhidmatan-perkhidmatan kami ("**Perkhidmatan**");
- (b) atau apabila anda melayari, menggunakan atau mengakses laman web kami (yang nama domainnya termasuk tetapi tidak terhad kepada <https://www.itochumalaysia.com.my/>), dan/atau platform lain yang dibangunkan oleh, atau berada di bawah kawalan, Syarikat kami.

Kami tidak akan, sama ada secara sengaja atau tidak, mengumpul data peribadi secara langsung daripada, individu di bawah umur lapan belas (18) tahun. Mereka yang berumur di bawah lapan belas (18) tahun tidak dibenarkan menggunakan Perkhidmatan kami atau menyerahkan data peribadi mereka kepada kami.

Notis Privasi ini tidak terpakai kepada para pemegang saham, pekerja, pemohon pekerjaan dan penyedia perkhidmatan pihak ketiga kami, kerana mereka tertakluk kepada notis privasi yang spesifik untuk mereka dan yang mengandungi maklumat berbeza tentang cara kami memproses maklumat peribadi mereka.

#### **Isi Kandungan:**

1. Pengumpulan Data Peribadi Anda
2. Cara Kami Menggunakan Data Peribadi Anda
3. Akibat Menyediakan Data Peribadi yang Tidak Lengkap
4. Penzahiran Data Peribadi Anda
5. Langkah-langkah Keselamatan untuk Melindungi Data Peribadi Anda
6. Pengekalan Data Peribadi Anda
7. Hak-hak Anda
8. Hubungi Kami

9. Pindaan kepada Notis Privasi ini
10. Bahasa
11. Persetujuan Anda

## **1. Pengumpulan Data Peribadi Anda**

Data peribadi dalam Notis Privasi ini bermaksud apa-apa maklumat dalam milikan kami yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung dengan individu sehingga individu itu dapat dikenal pasti daripada maklumat tersebut dan daripada maklumat lain yang dimiliki oleh kami. Data peribadi yang kami kumpulkan juga mungkin termasuk data peribadi sensitif yang bermaksud apa-apa data peribadi yang terdiri daripada maklumat mengenai kesihatan atau keadaan fizikal atau mental anda, pendapat politik anda, kepercayaan agama atau kepercayaan lain anda yang serupa, perlakuan atau dakwaan melakukan apa-apa kesalahan oleh anda, atau apa-apa data peribadi lain yang ditentukan oleh Menteri.

Data peribadi yang mungkin dikumpulkan dan diproses oleh kami sepanjang urusan anda dengan kami termasuk:

- (a) **butiran dan maklumat hubungan peribadi** seperti nama penuh anda, tarikh lahir, kewarganegaraan, nombor hubungan (contohnya, rumah, pejabat atau telefon bimbit), jantina, tempat tinggal (dan / atau bukti tempat tinggal), alamat surat-menyurat, alamat e-mel, butiran dokumen pengenalan yang dikeluarkan oleh kerajaan (contohnya, Kad Pengenalan, Pasport, visa dll.);
- (b) **maklumat pengesahan identiti** seperti gambar anda, rakaman audio, cap jari, bil utiliti (contohnya, penyata internet atau telefon bimbit) dan apa-apa maklumat lain yang dianggap perlu untuk tujuan pematuhan dengan kewajipan undang-undang kami;
- (c) **maklumat perhubungan perniagaan** seperti nama dan butiran berkenaan syarikat, jawatan dan jenis pekerjaan anda;
- (d) **maklumat kewangan anda** seperti sumber dana anda, maklumat akaun bank, maklumat kad kredit dan / atau debit, sejarah transaksi, dokumen cukai, atau bukti pendapatan atau harta bersih lain;
- (e) **maklumat transaksi** seperti tujuan transaksi, data transaksi yang direkodkan pada akaun anda yang didaftarkan dengan kami dan maklumat mengenai penerima sebarang transaksi yang dijalankan menggunakan akaun anda dengan kami;
- (f) **maklumat yang diperoleh daripada pihak ketiga** seperti maklumat kredit anda, pengecam dalam talian yang berkaitan dengan pencegahan penipuan, aktiviti jenayah yang disyaki, maklumat sekatan atau maklumat peribadi lain tentang anda yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan yang dilantik untuk membantu kami menyediakan perkhidmatan kami;
- (g) **maklumat teknikal atau metadata** seperti kuki, maklumat geolokasi, nama pelayar dan maklumat versi, maklumat alamat IP, data cap jari peranti, data pengesahan dan data klik-strim;
- (h) **apa-apa data peribadi lain yang** anda berikan kepada kami atau dikumpulkan oleh kami sepanjang urusan anda dengan kami.

(secara kolektifnya, “**Data Peribadi**”).

Kami mungkin mengumpul dan menerima data peribadi anda melalui pelbagai cara, contohnya::

- (a) **secara langsung daripada anda, apabila anda memilih untuk memberikannya kepada kami** seperti apabila anda mahu memperolehi Perkhidmatan kami bagi pihak syarikat anda, atau apabila anda mendaftarkan akaun perniagaan dengan kami untuk penggunaan Perkhidmatan bagi pihak syarikat anda, atau menerusi kad nama perniagaan anda, kontrak-kontrak kami dengan anda atau apabila anda berkomunikasi dengan kami meenerusi emel, sembang, telefon atau apa-apa cara lain; dan
- (b) **secara tidak langsung, apabila kami memperoleh maklumat daripada pihak ketiga** seperti perkhidmatan pengesahan identiti, agensi pelaporan kredit, agensi kawal selia dan penguatkuasaan, pangkalan data atau sumber awam, pihak ketiga yang berkaitan dengan anda (contohnya, pelanggan lain yang berkaitan dengan anda), dan daripada sumber lain yang anda telah memberikan persetujuan anda untuk mendedahkan data peribadi anda.

## **2. Cara Kami Menggunakan Data Peribadi Anda**

Kami akan memproses data peribadi anda menurut PDPA, peraturan, garis panduan dan/atau perintah yang berkenaan, dengan mengambil kira pindaan terkini kepada perkara di atas, Notis Privasi ini dan sebarang terma privasi yang terkandung dalam perjanjian atau terma anda dengan kami.

Kami mungkin memproses data peribadi anda dengan mengumpul, merakam, memegang, menyimpan, menggunakan dan/atau menzahirkannya untuk tujuan-tujuan berikut:

- (a) untuk berkomunikasi dengan anda;
- (b) untuk memproses, memudahkan, mentadbir dan/atau menyediakan Perkhidmatan kami kepada anda atau syarikat anda;
- (c) untuk mengurus dan menyelenggara akaun perniagaan anda dengan kami;
- (d) untuk menjalankan, mengurus dan/atau mengekalkan hubungan komersial anda dengan kami atau apa-apa bentuk urusan komersial dengan kami;
- (e) untuk memproses pesanan, pembayaran, termasuk menyediakan bil kepada anda atau syarikat anda, mengekalkan rekod kewangan, menilai atau mengesahkan butiran kad kredit / debit anda dan memudahkan pembayaran apa-apa jumlah yang perlu dibayar kepada kami;
- (f) untuk memberi anda sokongan perkhidmatan, pengurusan dan pengoptimuman, sokongan pelanggan dan perkhidmatan-perkhidmatan kami lain yang berkaitan, termasuk menjawab pertanyaan, kebimbangan atau aduan anda;
- (g) untuk meningkatkan Perkhidmatan kami, dan untuk membangunkan perkhidmatan-perkhidmatan baru;
- (h) untuk memberitahu anda tentang faedah-faedah dan perubahan-perubahan kepada ciri-ciri Perkhidmatan kami;
- (i) untuk menjalankan penyelidikan atau tinjauan pasaran, analisis pemasaran dalaman, perancangan dan analisis statistik, termasuk penyediaan laporan-laporan analisis tersebut dan penggunaan hasil analisis tersebut untuk pelbagai tujuan termasuk untuk penyelidikan, pembangunan dan pemasaran produk dan/atau perkhidmatan kami atau pihak ketiga yang terpilih.

- (j) untuk menghantar surat berita, ucapan bermusim dan tawaran-tawaran;
- (k) untuk mendapatkan maklumat kredit anda dan mengesahkan sejarah kredit anda dengan data yang diperoleh daripada agensi pelaporan kredit atau mana-mana sumber lain yang dianggap sesuai di bawah mana-mana undang-undang, peraturan, garis panduan, keperluan kawal selia atau arahan yang berkaitan dengan transaksi anda dengan kami;
- (l) untuk melakukan pemeriksaan latar belakang terhadap anda demi mematuhi apa-apa undang-undang yang terpakai;
- (m) untuk memenuhi apa-apa kewajipan atau keperluan undang-undang yang dikenakan di bawah undang-undang atau oleh mana-mana pihak berkuasa kerajaan dan kawal selia;
- (n) untuk tujuan penyiasatan berkaitan dengan apa-apa kes perbicaraan;
- (o) untuk tujuan pencegahan dan keselamatan penipuan;
- (p) untuk tujuan pentadbiran dalaman;
- (q) untuk menguatkuasakan terma-terma dan syarat-syarat kami, dan untuk memelihara hak-hak, privasi, keselamatan atau harta kami, dan/atau sekutu-sekutu kami, anda atau pihak-pihak lainnya; dan
- (r) sebarang tujuan lain yang perlu atau berkaitan dengan hubungan anda dengan kami.

(Secara kolektifnya, "**Tujuan**").

Sila ambil perhatian bahawa kami juga mungkin menganonimkan atau mengagregatkan data peribadi anda dengan mengecualikan maklumat (seperti nama anda) yang menjadikan data tersebut boleh dikenal pasti secara peribadi kepada anda ("**Maklumat Tanpa Nama**"). Memandangkan Maklumat Tanpa Nama tidak lagi dianggap sebagai data peribadi untuk tujuan PDPA, pemrosesan Maklumat Tanpa Nama kami tidak tertakluk kepada keperluan seperti yang dinyatakan dalam Notis Privasi ini.

### **3. Akibat-akibat Menyediakan Data Peribadi yang Tidak Lengkap**

Adalah perlu bagi mengumpul dan memproses data peribadi anda. Kegagalan untuk memberikan kami maklumat yang diperlukan boleh menjejaskan keupayaan kami untuk berkomunikasi dengan anda, atau keupayaan kami untuk mengikat kontrak dengan anda / syarikat anda atau untuk menyediakan Perkhidmatan kami dengan berkesan kepada anda atau syarikat anda dan/atau memproses Data Peribadi anda untuk mana-mana Tujuan, jika ada.

### **4. Penzahiran Data Peribadi Anda**

Kami tidak akan menzahirkan mana-mana data peribadi anda kepada mana-mana pihak ketiga tanpa persetujuan anda, kecuali kepada kategori-kategori pihak ketiga berikut (sama ada di dalam atau di luar Malaysia):

- (a) agensi-agensy pelaporan kredit;
- (b) entiti-entiti lain dalam kumpulan syarikat kami;

- (c) penasihat profesional kami, vendor, pembekal, ejen, kontraktor, penyedia perkhidmatan pihak ketiga, syarikat yang menyediakan perkhidmatan yang berkaitan dengan pemasaran dan perundingan kepada kami, rakan kongsi perniagaan, syarikat insurans, pelabur, bank, institusi kewangan, berkaitan dengan mana-mana Tujuan di atas;
- (d) pengganti(-pengganti) dalam hak milik kepada kami;
- (e) mana-mana agensi kerajaan, pihak berkuasa kawal selia dan/atau badan berkanun;
- (f) pemegang serah hak, pemegang pindah milik atau mana-mana pihak lain yang terlibat dalam sebarang aktiviti korporat (contohnya, cadangan atau penggabungan dan/atau pengambilalihan sebenar, usaha sama, penyusunan semula, pemindahan, pembiayaan, penjualan aset atau apa-apa perkara lain yang berkaitan dengan Syarikat kami); dan
- (g) dan jika perlu, kepada mana-mana pihak yang berjanji untuk merahsiakan data peribadi anda dalam melaksanakan Tujuan yang dinyatakan di atas atau kepada individu-individu yang diperlukan atau dikehendaki di bawah undang-undang untuk membuat penzahiran tersebut.

## **5. Langkah-langkah Keselamatan untuk Melindungi Data Peribadi Anda**

Keselamatan Data Peribadi anda sangat penting bagi kami. Oleh itu, kami mengambil langkah teknikal dan organisasi yang sesuai untuk melindungi data peribadi anda daripada kehilangan, penyalahgunaan dan akses atau pendedahan yang tidak dibenarkan. Langkah-langkah ini mengambil kira sensitiviti maklumat yang kami kumpul, proses dan simpan serta keadaan teknologi semasa.

Kami menyimpan Data Peribadi anda dalam salinan cetak dan/atau digital. Data salinan digital disimpan pada, antara lain, pelayan fail, pelayan e-mel, komputer peribadi, buku nota, pita dan cakera padat.

Terdapat dasar dan prosedur keselamatan yang ditetapkan yang menghadkan akses kepada Data Peribadi anda kepada kakitangan yang diberi kuasa sahaja yang termasuk, antara lain, kakitangan daripada bahagian teknologi maklumat, sumber manusia, pentadbiran, kewangan, jualan dan/atau perkhidmatan pelanggan, pengurusan dan/atau kakitangan Syarikat yang lain. Walau apa pun, hanya kakitangan yang mempunyai "keperluan untuk mengetahui" dibenarkan untuk mengakses.

## **6. Pengekalan Data Peribadi Anda**

Kami akan mengekalkan Data Peribadi anda yang diperlukan untuk tujuan kesimpulan dan pelaksanaan perjanjian dengan pelanggan perniagaan kami, semasa tempoh hubungan komersial atau kontrak dan sehingga tempoh masa tertentu selepas itu untuk tempoh tersebut yang mungkin perlu untuk tujuan perniagaan kami, untuk melindungi kepentingan-kepentingan kami dan pelanggan kami, seperti yang dikehendaki oleh undang-undang dan mengikut PDPA.

Data Peribadi boleh disimpan untuk tempoh yang lebih singkat di mana individu membantah pemrosesan Data Peribadi mereka dan tidak ada lagi tujuan perniagaan yang sah untuk mengekalkannya.

## **7. Hak-hak Anda**

Anda mempunyai hak-hak berikut di bawah PDPA berkenaan dengan Data Peribadi anda yang dipegang oleh kami:

- (a) hak untuk menyemak sama ada kami memegang atau menggunakan Data Peribadi anda dan untuk meminta akses kepada, dan untuk mendapatkan salinan Data Peribadi anda;
- (b) hak untuk meminta mengemas kini atau membetulkan Data Peribadi anda yang tidak tepat, tidak lengkap atau lapuk;
- (c) meminta agar Data Peribadi anda disimpan oleh kami hanya selagi perlu untuk memenuhi tujuan ia dikumpul;
- (d) meminta kami menyatakan atau menerangkan dasar dan prosedur kami berhubung dengan Data Peribadi dan kategori Data Peribadi yang diproses oleh kami; dan
- (e) hak untuk menarik balik persetujuan anda untuk, atau sebaliknya untuk mengehadkan, pemrosesan dan penggunaan Data Peribadi anda (termasuk Data Peribadi yang berkaitan dengan orang lain yang mungkin dikenal pasti daripada Data Peribadi itu), dengan menghubungi kami melalui butiran hubungan yang dinyatakan di bawah, tertakluk kepada sebarang sekatan undang-undang yang berkenaan. Contohnya, anda mungkin menerima komunikasi pemasaran dan tawaran bagi pihak pelanggan perniagaan yang berkaitan. Pada semua keadaan, anda akan diberi peluang untuk berhenti melanggan atau berhenti menerima komunikasi sedemikian.

Walau bagaimanapun, sila ambil perhatian bahawa hak anda yang disebutkan di atas di bawah PDPA adalah tertakluk kepada hak kami untuk bergantung kepada sebarang pengecualian berkanun dan/atau pengecualian untuk mengumpul, menggunakan dan mendedahkan data peribadi anda.

Jika anda ingin melaksanakan mana-mana hak di atas, sila hantar permintaan anda secara bertulis kepada butiran hubungan di bawah.

## **8. Hubungi Kami**

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau aduan berhubung dengan Notis Privasi ini atau cara kami mengendalikan data peribadi anda, sila hubungi kami menerusi maklumat perhubungan di bawah;

### **Bahagian Pentadbiran (Pengurusan Risiko)**

Alamat : 26th Floor, Menara Boustead,  
69, Jalan Raja Chulan,  
50200 Kuala Lumpur, Malaysia.

No. Telefon : +603- 2116 0888

No. Faks : +603-2116 0999

Alamat Emel : [privacy@itckul.com.my](mailto:privacy@itckul.com.my)

## **9. Pindaan kepada kepada Notis Privasi ini**

Kami berhak untuk mengemas kini dan meminda Notis Privasi ini dari semasa ke semasa. Kami akan memberitahu anda tentang sebarang pindaan kepada Notis Privasi ini melalui pengumuman di laman web kami atau cara lain yang sesuai. Sekiranya kami meminda Notis Privasi ini, pindaan tersebut hanya akan berlaku untuk data peribadi yang dikumpulkan setelah kami menyiarkan Notis Privasi yang disemak semula.

## **10. Bahasa**

Notis Privasi ini dikeluarkan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia menurut keperluan yang ditetapkan oleh Seksyen 7(3) PDPA. Sekiranya terdapat sebarang ketidakselarasan atau percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

## **11. Persetujuan Anda**

Dengan memperolehi Perkhidmatan kami atau dengan memberikan Data Peribadi anda kepada kami, anda bersetuju bahawa anda telah membaca dan memahami Notis Privasi ini dan anda membenarkan kami memproses Data Peribadi anda mengikut Notis Privasi ini. Anda mengesahkan bahawa semua Data Peribadi yang anda berikan adalah tepat dan lengkap, dan tiada satu pun daripadanya mengelirukan atau lapuk. Anda akan segera memberitahu kami sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Data Peribadi anda.

Setakat yang anda telah memberikan (atau akan memberikan) data peribadi tentang pengarah, pemegang saham, pekerja, wakil, ejen anda (jika anda adalah entiti korporat/organisasi) dan/atau individu lain, anda mengesahkan bahawa anda telah menjelaskan (atau akan menerangkan) kepada mereka bahawa Data Peribadi mereka akan diberikan kepada, dan diproses oleh, kami dan anda mewakili dan menjamin bahawa anda telah mendapat persetujuan mereka untuk pemrosesan (termasuk penzahiran dan pemindahan) Data Peribadi mereka menurut Notis Privasi ini.

**Tarikh Berkuatkuasa:** 22 September 2023

**Tarikh Akhir Dikemaskini:** 22 September 2023